

Kerajaan masih anggap MTUC parti politik — PM

U.M. - 6 JUL 1989

KUALA LUMPUR 5 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, kerajaan akan tetap menganggap Kongres Kesatuan Sekeja Malaysia (MTUC) sebagai parti politik selagi ia dipimpin oleh anggota anggota parti politik.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan berganjak dari pendirian itu kerana tidak mahu "keliru" dengan peranan atau kepentingan yang diperjuangkan oleh MTUC sama ada ia benar benar mewakili pekerja atau parti politik tertentu.

Pendirian tersebut ditegaskan oleh beliau dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan hampir tiga jam dengan para pemimpin MTUC yang diketuai oleh Presidennya, Encik Zainal Rampak di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini petang ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Janganlah salahkan kerajaan kalau kita

masih menganggap kongres itu sebagai parti politik. Saya harap mereka faham mengapa kita berpendirian begitu."

Pada bulan Jun lalu, beliau pernah menegaskan, MTUC dianggap sebagai parti lawan kerana ia dipimpin oleh anggota anggota pembangkang iaitu DAP.

Pfjumpaan rasmi itu merupakan yang pertama antara MTUC dan Datuk Sri Dr. Mahathir sejak menjadi Perdana Menteri, telah berlangsung dalam suasana mesra dan semua 14 wakil MTUC berpeluang meluahkan pandangan masing masing.

Turut hadir ialah Menteri Buruh, Datuk Lim Ah Lek dan Ketua Setiausaha, Nik Mohamad Amin Nik Abu Rakar. Dua pemimpin MTUC dari Parti DAP, Setiausaha Agung, Encik V. David dan Timbalan Presiden, Encik Ahmad Nor hadir sama serta turut memberikan pandangan.

Datuk Sri Dr. Mahathir

berkata, pendirian tersebut niempakan antara beberapa perkara yang dijelaskan secara terbuka dan berterus terang kepada kongres itu yang turut menyerahkan memorandum mengandungi beberapa perkara kepada kerajaan.

Sambil memberikan contoh isu Sistem Keutamaan Am (GSP) yang melibatkan Encik V. David, yang juga anggota Parlimen Puchong (DAL'), Perdana Menteri berkata, beliau tidak dapat membezakan sama ada tindakan Encik David itu dipengaruhi oleh perjuangan politiknya atau kesatuan sekerja.

Kesan

Katanya, beliau telah menerangkan kepada MTUC bahawa adalah salah jika seorang pemimpin kesatuan sekeja mengambil tindakan yang boleh membawa kesan buruk kepada negara.

"Di awal pertemuan MTUC menjelaskan mere-

ka bukanlah anti kerajaan tetapi bersikap kritikal. Mereka juga menyatakan sokongan terhadap beberapa dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan anti apartrid," katanya.

Beliau bagaimanapun berpuas hati dengan pertemuan itu yang sekurang kurangnya dapat memupuk hubungan baik antara MTUC dan kerajaan, di samping menjelaskan dasar dasar kerajaan serta mendengar sendiri pendirian MTUC dalam pelbagai perkara.

Katanya, kerajaan bersedia menimbangkan beberapa cadangan dan syor kongres itu yang difikirkan wajar bagi kepentingan kerajaan, majikan dan para pekerja sendiri.

Antara cadangan yang beliau anggap munasabah ialah mengenai tambahan bilangan mahkamah perusahaan bagi mengatasi masalah kes-kes tertang-

LIHAT MUKA 15

MTUC dianggap parti poli

guh.

Dalam memorandum yang dikemukakan itu, MTUC telah menca- dangkan beberapa perkara termasuk supaya Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) diberikan kuasa membuat keputusan, para pekerja elektronik dibenarkan menubuhkan kesatuan kebangsaan dan mengembalikan hak perundingan bersama kakitangan awam.

Mengenai mengapa cadangan tentang kedudukan NLAC tidak dapat ditimbang, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ini kerana mereka yang menduduki majlis itu (wakil - wakil majikan, kerajaan dan pekerja) tidak dapat memahami sepenuhnya masalah yang dihadapi oleh negara.

Para pekerja elektronik pula tidak dibenarkan menubuhkan sebuah kesatuan sekerja kebangsaan kerana setiap pendapatan mempunyai hasil yang berbeza, jelasnya.

Menjawab pertanyaan, beliau yakin pihak pekerja dan majikan tidak akan menghadapi masalah sekiranya cekap mengendalikan kesatuan dalaman sebagaimana yang telah dibuktikan oleh Kesatuan Sekeja Proton.

"Lagi pun kalau ada layanan yang tidak baik kerajaan akan ambil tindakan," tegasnya.

Perdana Menteri juga telah memberitahu para pemimpin MTUC bahawa kemewahan para pekerja tidak semestinya bergantung kepada kekuatan sesuatu kesatuan sekeja.

Sebaliknya, beliau berkata, pertumbuhan ekonomi yang pesat

dan pelaburan yang baik adalah faktor terpenting dalam menentukan gaji yang tinggi bagi para pekerja.

Sebagai contoh, katanya, Taiwan dan Hong Kong yang menurut beliau tidak mempunyai kesatuan sekerja, tetapi gaji para pekejanya adalah lebih tinggi berbanding dengan Malaysia.

"Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pelaburan yang baik boleh menentukan gaji yang lebih tinggi. Itulah yang telah dibuktikan oleh negara - negara industri baru. Dulu gaji pekerja - pekerja di Malaysia adalah lebih tinggi tetapi kini mereka jauh lebih tinggi," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, malah layanan daripada majikan kepada pekerja di kedua-dua negara itu juga adalah baik.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan mengabaikan kepentingan para pekerja, sambil menegaskan perlunya keharmonian perusahaan diwujudkan untuk menggalakkan pelaburan di negara ini.

"Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk meningkatkan ekonomi negara termasuk menggalakkan pelaburan di negara ini kerana ekonomi yang pesat akan memanfaatkan golongan pekerja," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menolak sebarang dakwaan kononnya kerajaan campur tangan dalam menggerakkan penubuhan Pertubuhan Buruh Malaysia (MLO), sebagai alternatif kepada MTUC.